

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED
SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil pihak Kementerian bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran akibat penutupan sekolah susulan masalah jerebu. Ini memandangkan kebanyakan pelajar sedang dalam persiapan menghadapi peperiksaan utama seperti PT3, SPM dan STPM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 8 Tahun 2016 Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana. Garis panduan ini menjadi rujukan kepada pihak sekolah berkenaan Pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa negara dilanda bencana. Kaedah PdP yang dicadangkan ialah kaedah kendiri seperti yang berikut:

1. murid membuat tugas di rumah/asrama secara manual atau talian kerana sekolah ditutup atau murid terputus akses untuk ke sekolah akibat bencana;
2. guru memberi tugas kepada murid secara langsung di sekolah atau memuat naik tugas dalam platform pembelajaran maya atau melalui aplikasi media sosial yang lain seperti *WhatsApp*, *e-mel*,

Facebook, sync dan Telegram kepada murid yang mempunyai kemudahan tersebut;

3. murid menghantar tugas selepas sekolah dibuka semula atau dihantar secara dalam talian; dan
4. guru memberi maklum balas selepas sekolah dibuka semula atau secara dalam talian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memastikan murid tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka, terutama kepada murid yang akan menduduki peperiksaan awam. Sekiranya Agensi Pengurusan Bencana Negara atau *National Disaster Management Agency* (NaDMA) tidak mengisyiharkan darurat yang disebabkan oleh masalah jerebu, maka Pentaksiran Pusat (PT3) dan peperiksaan awam yang lain (UPSR, STAM, SPM, dan STPM) akan diteruskan dengan pemantauan ketat oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah dengan mengambil tindakan berdasarkan Pekeliling Persediaan Menghadapi Jerebu Yang Mengancam Perjalanan Peperiksaan (Operasi Topeng) Bil.1/2005 dan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan bertarikh 21 Oktober 2015: Pelaksanaan Operasi Topeng Semasa Pengurusan Peperiksaan.

Namun begitu, jika diisyiharkan darurat akibat jerebu prosedur berikut perlu dipatuhi:

1. Pengumuman penangguhan pentaksiran pusat atau peperiksaan awam akibat jerebu dibuat oleh YB Menteri Pendidikan melalui pengumuman rasmi media massa dan surat rasmi.
2. Penangguhan ujian lisan atau ujian bertulis (PT3, STPM) hanya bagi daerah/kawasan terjejas jerebu dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tahap merbahaya.
3. Pelaksanaan pentaksiran pusat diteruskan bagi daerah/kawasan yang tidak terjejas jerebu dan daerah/kawasan terjejas jerebu tetapi bacaan IPU rendah memandangkan PT3 merupakan pentaksiran pusat yang tidak bersifat *high stake*. Sekian, terima kasih.